



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION (EAIC)**

Aras 5, Blok Menara
Bangunan Menara Usahawan
No.18 Persiaran Perdana, Presint 2
62652 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-8880 5650
Faks (Fax): 603-8880 5646
Laman Web (Web): www.eaic.gov.my

KENYATAAN MEDIA

**LAPORAN DAPATAN EAIC MENGENAI SALAH LAKU DALAM PENGENDALIAN
SIASATAN OLEH PEGAWAI PENYIASAT DI JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
DI PEJABAT PERIKANAN DAERAH PELABUHAN KLANG**

Putrajaya, 16 Mei 2025 — Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Pegawai Penyiasat Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) di Pejabat Perikanan Daerah Pelabuhan Klang (Cawangan Perlindungan Sumber) yang tidak menjalankan siasatan dengan sewajarnya ke atas semua kertas siasatan bagi tahun 2021 di bawah kendaliannya sehingga menyebabkan kes-kes tersebut tidak selesai dan terbengkalai sedangkan rampasan barang kes telah dibuat.

Siasatan mendapati terdapat salah laku dan kelewatan yang tidak wajar oleh pegawai penyiasat DOF berkenaan dalam melengkapkan semua kertas siasatan bagi tahun 2021 di bawah kendaliannya sehingga menyebabkan kes-kes tersebut masih belum diselesaikan.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk syor hukuman terhadap pegawai penyiasat DOF tersebut kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) DOF, mengeluarkan surat kepada Ketua Pengarah DOF dengan cadangan penambahbaikan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) siasatan/operasi DOF serta membuat pemantauan rapi terhadap semua pegawai penyiasat DOF.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.